



TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. DATUK ZAMRI RAMLI, P.GEOL., F.I.G.M.

**PENGERUSI
LEMBAGA AHLI GEOLOGI**

merangkap

**KETUA PENGARAH
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**

sempena

SAMBUTAN HARI AHLI GEOLOGI 2026

04 MEI APRIL 2026

HOTEL ZENITH, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim,
warahmatullahi wabarakatuh

Assalamualaikum

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berhormat

Dato' Sri Arthur Joseph Kurup

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Yang Berhormat

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
(NRES)

Yang Berbahagia

Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainuddin

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
(NRES)

- Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
- Para ahli geologi, rakan-rakan dari JMG, BOG, IGM, GSM, MyGEO, universiti, rakan-rakan dari agensi kerajaan dan syarikat swasta dan pelbagai institusi
- Pegawai-Pegawai Kanan JMG
- Rakan-rakan strategik dan kolaborasi
- Rakan-rakan media
- Serta dif-dif Jemputan sekalian

YBhg. Datuk-datuk, Professor-professor, YBrs. Dr.,
Tuan Puan yang saya hormati sekalian,

UCAPAN ALU-ALUAN

- Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan selamat datang kepada semua tetamu kehormat, para ahli geologi, rakan industri serta komuniti geosains yang hadir pada

Sambutan Hari Ahli Geologi Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.

- Diperingkat antarabangsa, Hari Geologi lazimnya diraikan pada minggu pertama bulan April setiap tahun. Namun pada tahun ini, kita membuat sedikit penyesuaian tarikh bagi memastikan sambutan ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berimpak tinggi.

Tahun ini, kita mengangkat tema: **“Geologi Memacu Ekonomi, Melindungi Komuniti, Asas Pembangunan Lestari.”**

Tema ini bukan sekadar slogan — ia mencerminkan hakikat sebenar bahawa **peranan bidang geologimerupakan asas kepada perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber negara secara bersepadu**

Memacu ekonomi melalui penerokaan dan penilaian sumber mineral, sumber tenaga ...green technology atau industry pembuatan atau pembangun infrastruktur negara.. serta pembangunan geopark yang berasaskan potensi geologi sebagai pemangkin ekonomi baharu negara.

Melindungi komuniti melalui pemahaman terhadap proses dan risiko geobencana seperti tanah runtuh, gempa bumi, tanah jerlus dan kegagalan cerun, seterusnya membolehkan langkah mitigasi yang lebih berkesan dilaksanakan.

Hakikatnya, setiap pembangunan dan penerokaan sumber bumi bergantung kepada sejauh mana kita memahami ekosistem geologi bawah permukaan serta sejarah pembentukannya.

Sebagai contoh, batuan tertua di Malaysia yang berusia lebih 550 juta tahun terdapat di Langkawi — yang sering dirujuk sebagai “birthplace of Malaysia.”

Begitu juga dengan sumber strategik seperti REE yang kini menjadi tumpuan dunia. Kewujudannya bukan secara kebetulan, tetapi ditentukan oleh jenis batuan dan proses geologi yang membentuknya — contohnya di Semenanjung Malaysia, yang banyak berkait dengan batuan granit dan proses magmatik.

Semua ini membuktikan bahawa pemahaman geologi adalah kunci kepada pembangunan sumber dan masa depan negara dalam meneroka sumber kekayaan baru negara.

YB Menteri dan hadirin sekalian,

Sejarah telah membuktikan bahawa penemuan oleh ahli geologi telah mengubah landskap ekonomi dunia.

Penemuan bijih timah di Tanah Melayu telah meletakkan negara ini sebagai antara pengeluar utama dunia, manakala penemuan minyak dan gas pula telah menjadi pemangkin kepada pembangunan industri tenaga global — termasuk di Malaysia.

Inilah bukti bahawa geologi bukan sekadar ilmu, tetapi kuasa ekonomi yang membentuk tamadun.

YB Menteri dan hadirin sekalian,

Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BoG), yang ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689], memainkan peranan penting dalam memastikan profesion ini kekal profesional, berintegriti dan selari dengan keperluan strategik negara.

Hari ini, komuniti geologi negara terus berkembang dengan kekuatan seramai **3,492 ahli geologi berdaftar**, terdiri daripada **2,338 lelaki dan 1,154 wanita** — mencerminkan kapasiti profesional yang kukuh dan semakin inklusif dalam memacu sektor geosains negara.

Pada hari ini juga, kita melakar satu lagi pencapaian penting melalui peluncuran **Garis Panduan Penyiasatan dan Penguatkuasaan Inspektor Lembaga Ahli Geologi**, yang akan memperkemas fungsi kawal selia profesion serta meningkatkan kecekapan dan integriti pelaksanaan penguatkuasaan di lapangan.

Sambutan ini turut mencipta sejarah melalui penganjuran julung kali **Anugerah Tokoh Geologi**, yang merangkumi kategori Tokoh Ahli Geologi Lelaki, Tokoh Ahli Geologi Wanita, Tokoh Industri Geologi dan Tokoh Komuniti Geologi — sebagai pengiktirafan kepada sumbangan besar tokoh-tokoh berkenaan dalam memajukan bidang geologi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ini mencerminkan komitmen kita bukan sahaja dalam memperkukuh tadbir urus profesion, tetapi juga dalam menghargai kecemerlangan dan kepimpinan dalam komuniti geosains negara.

Dalam dunia yang semakin mencabar hari ini di mana sumber bumi menjadi aset strategik dan risiko bencana semakin kompleks peranan ahli geologi bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan nasional.

Seiring dengan itu, kepakaran geologi perlu diperkukuh melalui integrasi AI-driven geoscience, termasuk penggunaan machine learning, analisis data berskala besar dan pemodelan digital, bagi meningkatkan ketepatan penerokaan sumber, mempercepat proses analisis serta mempertingkatkan keupayaan ramalan risiko geobencana secara lebih proaktif dan berkesan.

HARAPAN, KOMITMEN & PENGHARGAAN dan sebagai penutup...

- Kami berharap sambutan ini menjadi platform untuk memperkukuh kefahaman masyarakat serta menonjolkan peranan ahli geologi dalam inovasi dan teknologi geosains.
- Bagi pihak penganjur kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini atas sokongan dan kesudian meluangkan masa untuk bersama-sama menayakan sambutan yang julung kali diadakan ini, iaitu Sambutan Hari Ahli Geologi Malaysia 2026.
- Penghargaan juga ditujukan khusus kepada semua ahli geologi yang sentiasa memberi sokongan padu melalui kehadiran dan komitmen berterusan dalam memperkukuhkan komuniti geosains negara.
- Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur, serta pemamer

serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus dari peringkat awal persediaan sehingga pelaksanaan program ini dengan penuh dedikasi, komitmen dan semangat kerja berpasukan.

- Usaha dan pengorbanan semua pihak inilah yang telah memastikan sambutan yang julung kali diadakan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh